

TARIKH	3 / 11 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	22	RUANGAN	Setempat

# 'Mahu pergi Makkah lagi'

Pendaratan sulung bawa pulang 447 jemaah selamat tiba di KLIA

>>Oleh Siti A'isyah Sukaimi  
sitiaisyah@metro.com.my

**S**EPANG: "Memang sesuai ke Makkah pada usia muda kerana untuk menunaikan ibadat di sana memerlukan kekuatan fizikal dan mental. Badan sihat, kuat dan cergas boleh dimanfaatkan untuk beribadat dengan lebih baik," kata seorang jemaah haji, Mohd Nor Safuan Idris, 25, sekembalinya dari Tanah Suci.

Dia yang menunaikan ibadat haji bersama abangnya, Mohd Nor Haedir, 29, berharap anak muda lain turut menyimpan hasrat untuk turut sama ke bumi berkat itu. "Saya dan abang dapat ke sana selepas orang tua kami membuat pendaftaran di Tabung Haji pada 2003. Sebelum ini, saya sendiri pernah menunaikan umrah, namun suasana ibadat haji sangat berbeza dengan umrah.

"Kini ibadat sudah selesai, malah sepanjang berada di sana saya tidak menghadapi sebarang masalah.

"Saya harap dapat lagi ke Tanah Suci pada masa akan datang," katanya ketika ditemui sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, bersama 446 jemaah lain melalui sebuah pesawat Pe-



**"Saya harap dapat lagi ke Tanah Suci pada masa akan datang"**

>Mohd Nor Safuan Idris



**"Syukur saya dipilih Allah menjadi tetamu pada usia muda"**

>Najihah Mohd Nor



**"Apabila terpancang Kaabah, hati saya terasa sayu"**

>Mohd Yaacob Ngah Jana

nerbangan Malaysia yang membuat pendaratan sulung dalam misi membawa pulang jemaah pada jam 11 pagi semalam.

Bagi seorang warga emas, Mohd Yaacob Ngah Jana, 76, walaupun terpaksa berkerusi roda, dan kerap memerlukan bantuan orang lain berikutan menghadapi masalah kesihatan, dia tidak patah semangat untuk menunaikan segala rukun haji, sekali gus memastikan ibadahnya da-

pat dilakukan dengan sempurna seperti jemaah lain.

"Alhamdulillah saya dipermudahkan Allah untuk menunaikan ibadat dan ada pihak turut membantu bagi memastikan saya dapat menunaikan ibadat haji.

"Di sana, apabila terpancang Kaabah, hati saya terasa sayu. Mungkin perasaan seperti inilah yang membuatkan ramai sudah menjejakan kaki ke Tanah Suci berazam untuk bertamu kem-

bali," katanya yang menunaikan haji bersama isteri, Zulaiha Mohd Sai, 66, buat pertama kali.

Seorang lagi jemaah, Najihah Mohd Nor, 29, berkata, pengalaman menunaikan haji pada usia muda sangat bermakna buat dirinya.

"Saya sangat bersyukur dipilih Allah untuk menjadi tetamu pada usia muda kerana bukan senang untuk mendapat peluang keemasan seperti ini," katanya.